

Peluang Usahawan dalam Kelembapan Ekonomi

bantuan khas kejatuhan harga getah bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh peneroka dan pengusaha ladang.

Pengubahsuaian Belanjawan 2016 yang diumumkan pada 28 Januari lalu sememangnya menjadi keperluan bagi menghadapi ketidaktentuan ekonomi. Beberapa pendekatan dirangka bagi memastikan kemapanan yang berterusan sebagai langkah persediaan untuk menghadapi arus yang mencabar. Segala idea dan penambahan peruntukan itu bukanlah sebagai "tongkat" kepada usahawan, tetapi bertujuan untuk menjadi inspirasi dan peluang bagi meningkatkan inovasi. Hal ini juga dapat memberikan manfaat kepada orang ramai untuk menggunakan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan dengan harga yang berpatutan.

Sehubungan dengan itu, situasi kejatuhan harga minyak mentah dalam pasaran antarabangsa yang berlaku seiring dengan kejatuhan nilai Ringgit turut memberikan impak kepada ekonomi negara memandangkan Malaysia merupakan pengeksport minyak. Pendapatan daripada hasil eksport minyak ke luar negara dan pendapatan melalui dividen, cukai, dan royalti daripada syarikat minyak negara, iaitu Petronas mengalami kemerosotan.

Oleh itu, pendapatan negara yang terjejas memerlukan kerajaan melakukan pengubahsuaian terhadap perancangan ekonomi negara berdasarkan situasi yang berlaku. Perkara sebegini dapat dinilai oleh golongan usahawan untuk melihat prospek

Pengubahsuaian Belanjawan 2016 yang diumumkan pada 28 Januari lalu menjadi keperluan bagi menghadapi ketidaktentuan ekonomi.

SESEBUAH negara membangun perlu mempunyai urus niaga perdagangan bagi tujuan pembangunan dan kemajuan ekonomi, misalnya dengan menarik minat pelabur asing untuk melabur di dalam negara dan mengembangkan pasaran bagi produk keluaran tempatan. Antara usaha yang dapat dilihat melalui urus niaga perdagangan antarabangsa bagi merencanakan pembangunan ekonomi termasuklah pembinaan lebuhraya, kilang, hospital dan pelabuhan. Dolar Amerika biasanya digunakan dalam kebanyakan urusan jual beli pada peringkat antarabangsa termasuklah imbalan minyak. Kebanyakan negara hanya menerima mata wang Dolar Amerika dalam kegiatan ekonomi mereka apabila melibatkan urus niaga dengan negara luar.

Pada pertengahan Januari 2016, Ringgit jatuh pada paras RM4.423 berbanding dengan Dolar Amerika sejak krisis Kewangan Asia 1997/1998. Kejatuhan nilai ini yang disebabkan oleh beberapa faktor, misalnya penganalisis mengaitkan kejatuhan itu sebagai akibat tindakan pelabur pasaran modal yang menjual saham mereka dan melepaskan mata wang Ringgit.

Penurunan nilai Ringgit ini juga dipengaruhi oleh kejatuhan harga minyak dunia termasuk komoditi bahan mentah, seperti getah dan kelapa sawit. Namun demikian, kerajaan mengambil langkah untuk menangani isu ini dengan menyediakan

peluang dan ancaman bagi menggembeng kemampuan dalam perniagaan.

Walaupun kejatuhan harga minyak mencecah sehingga AS\$28.15 setong pada pertengahan Januari 2016 menggembirakan pemilik kenderaan di negara ini, kesan terhadap ekonomi negara adalah sebaliknya. Penurunan harga minyak mengakibatkan pendapatan kerajaan berkurangan kerana 21 peratus pendapatan kerajaan disumbangkan oleh sektor petroleum dan gas. Oleh itu, kerajaan perlu berusaha mengurangkan kebergantungan terhadap komoditi tersebut dengan mempelbagaikan sumber pendapatan lain untuk mengukuhkan nilai Ringgit semula. Harga emas hitam itu terus merosot sejak 4 Disember 2015 selepas Pertubuhan Negara-negara Pengekspor Petroleum (OPEC) mengekalkan dasar tidak mengahadkan pengeluaran untuk terus menguasai pasaran.

Beberapa buah syarikat pengeluar minyak dunia dijangkakan mengkaji semula pelaburan sedia ada bagi tempoh yang panjang kesan kemerosotan harga pada paras terendah bagi tempoh 11 tahun.

Berdasarkan situasi semasa, pelaburan dalam sektor minyak dan gas secara global dijangkakan jatuh pada paras terendah dalam tempoh enam bulan, iaitu AS\$595 bilion (RM2.57 trilion) pada tahun 2015 kepada AS\$522 bilion (RM2.25 trilion) pada tahun 2016 berikutan penurunan 22 peratus. Syarikat yang terlibat mengambil langkah mengecilkan fokus mereka yang menyaksikan berpuh ribu orang kakitangan dikurangkan pada tahun lalu, menyebabkan lebih banyak pertandingan pekerjaan dijangkakan berlaku pada tahun ini. Banyak pihak melihat bidang keusahawanan bakal menjadi tumpuan untuk menangi keadaan tersebut.

Sektor keusahawanan sebagai sektor ketiga ekonomi negara perlu mengambil peluang dalam situasi kejatuhan harga minyak dan nilai Ringgit yang lemah. Terdapat banyak peluang boleh direbut atau diceburi antaranya, sebagai pengeluar atau pengedar produk ganti dari luar negara, selain penyediaan kemudahan atau prasarana yang menarik untuk tujuan pelancongan dan memperbaiki kualiti produk pengeluaran supaya pada akhirnya dapat diekspor ke luar negara. Oleh

sebab kejatuhan harga minyak mempengaruhi nilai Ringgit, barangan import menjadi lebih mahal dan hal ini mendorong lonjakan terhadap permintaan bagi barangan domestik. Oleh hal yang demikian, usahawan yang mempunyai produk perlu meningkatkan pengeluaran dan mengenal pasti pelanggan baharu yang sedang mencari barang ganti untuk produk import luar negara.

Di balik usaha mengurangkan perbelanjaan dengan melupakan dan melewati projek, syarikat minyak utama akan melakukan penurunan kos memandangkan kontraktor bersetuju untuk meneruskan pengurangan harga. Namun begitu, situasi seperti ini menuntut usahawan supaya lebih berhati-hati untuk mencari peluang dalam industri ini kerana masih lagi terdapat faktor positif yang boleh mengimbangi pandangan seseorang terhadap sektor ini. Sebagai contoh, pengumuman kontrak yang berkaitan dengan Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (Rapid) sedang giat berlaku. Perkembangan ini memberikan gambaran bahawa pembinaan infrastruktur yang berkaitan dengan projek ini dijangkakan lebih rancak pada tahun ini.

Kerajaan berkeyakinan bahawa kejatuhan Ringgit mampu memberikan kesan positif kepada eksport negara. Hal ini dikatakan demikian kerana barangan eksport, seperti barangan elektrik dan elektronik, tidak terkesan dengan penurunan nilai Ringgit. Keadaan ini disebabkan oleh sebahagian komponen bagi pengeluaran barangan tersebut diimport dari luar negara. Penurunan nilai Ringgit menyebabkan harga barangan import dari luar negara semakin mahal. Kesannya, barangan elektrik dan elektronik tidak menjadi murah walaupun Ringgit mengalami kejatuhan nilai.

Usahawan sebagai pengeluar produk pula perlu meningkatkan pemasaran supaya produk itu dapat sampai kepada semua pelanggan baharu yang kita sedia maklum sering mencari produk ganti luar negara. Keadaan ini disebabkan sedikit penurunan permintaan atau perbelanjaan domestik kerana barangan dan perkhidmatan tempatan dan barangan import semakin mahal, seterusnya menyumbang kepada kelembangan ekonomi. Kemasukan pelancong asing pastinya meningkat ekoran kejatuhan nilai Ringgit. Peluang ini perlu direbut oleh usahawan, terutama yang menjalankan aktiviti pelancongan. Promosi melalui

penawaran pakej yang menarik dan istimewa sudah pasti mendorong pelanggan teruja untuk mencuba tawaran yang disediakan oleh usahawan. Secara tidak langsung, hal ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan, bahkan dapat memperkenalkan keusahawanan pada arena pelancongan.

Usahawan yang masih mencari aktiviti untuk menajankan pendapatan boleh mencuba peluang dalam sektor pengeluaran produk. Dengan kejatuhan nilai Ringgit, produk berkualiti yang dihasilkan berupaya menembusi pasaran antarabangsa, seterusnya memberikan pulangan yang lumayan kepada usahawan. Pelanggan luar negara yang membuat pembayaran produk dalam Dolar Amerika akan membeli pada harga yang lebih murah dan hal ini pastinya dapat meningkatkan jumlah pembelian.

Menurut kajian Indeks Keyakinan Perniagaan (BOI) Dun & Bradstreet (D&B) Malaysia, enam penunjuk dalam kajian suku tahunan kembali dalam zon positif bagi suku pertama tahun ini. Enam penunjuk di bawah kajian suku tahunan BOI yang ke-12 dilaksanakan oleh D&B di Malaysia itu ialah jumlah jualan, untung bersih, harga jualan, paras inventori, pekerja, dan tempahan baharu.

Kempen kesedaran, seperti Hari Usahawan Negara yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Usahawan Kecil Malaysia (DPUKM) berlangsung pada 24 hingga 27 Mac 2016 bertempat di Putrajaya. Aktiviti sebegini sememangnya menjadi tumpuan orang ramai dan para usahawan kerana program tersebut turut mengumumkan anugerah tokoh usahawan yang berdaya maju.

Peluang menimba ilmu dan pengalaman juga disediakan, misalnya menerusi seminar asas perniagaan dan kewangan di tapak ruang niaga sepanjang program diadakan. Produk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan berinovasi serta pameran kraf tangan turut serta untuk mencungkil bakat usahawan muda dan graduan lepasan institusi pengajian tinggi agar tidak terlalu bergantung pada sektor pekerjaan semata-mata. Penyerahan orang ramai dalam aktiviti sihat seperti persembahan kesenian, kebudayaan, dan sukan bakal mengubah landskap gaya hidup masyarakat bagi memupuk nilai murni dalam semangat keusahawanan.

Sementara itu, dalam Belanjawan 2016, peruntukan berjumlah RM10.5 bilion bagi PKS



termasuk RM107 juta di bawah Pelan Induk PKS, diumumkan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak. Pembahagian peruntukan antaranya termasuk RM500 juta kepada SME Bank, RM250 juta kepada Perbadanan Usahawan Nasional Bumiputera (PUNB) dan RM200 juta pembiayaan mikro bagi kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah. Inisiatif yang dimainkan oleh Mydin, seperti membawa usahawan ke India dan mendidik mereka tentang industri tekstil, merupakan contoh peranan aktif untuk membantu PUNB.

Keadaan ekonomi negara yang berdepan dengan kejatuhan nilai Ringgit seharusnya dilihat dari sudut positif, misalnya bagi sektor pelancongan. Selain itu, pengeluaran dan pengedaran produk memerlukan pelibatan secara efisien pemain dalam sektor keusahawanan bagi membantu peserta industri, sekali gus menyokong kerajaan untuk mendepani suasana ekonomi yang tidak menentu. Kesepakatan antara kerajaan dengan pemain sektor keusahawanan bagi merencanakan ekonomi negara berupaya menyumbang kepada pengukuhan nilai Ringgit dalam tempoh yang lebih cepat. ●

Nilai Ringgit yang lemah memberikan kesan langsung kepada ekonomi negara.



Penurunan harga minyak mengakibatkan pendapatan kerajaan berkurangan kerana 21 peratus pendapatan kerajaan disumbangkan oleh sektor petroleum dan gas.